

## **KISAH KEJAYAAN** **SUKU TAHUN KEDUA 2016**

### **PUSAT INTERNET 1 MALAYSIA KG SEPERI**

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
<b>Name of PI1M Nama PI1M</b>	Pusat Internet 1 Malaysia Kg Seperi
<b>Location Lokasi</b>	Bengkel Kraftangan Kg Seperi 71650 Titi, Jelebu, Negeri Sembilan. (Wilayah Tengah)
<b>Name of person(s) Nama</b>	Muhammad Nur Farhan
<b>Details of person (s) Butiran diri</b>	<p><i>Age, gender, education level, occupations Umur, jantina, taraf pendidikan, pekerjaan.</i></p> <p>Umur : 10 Tahun Jantina : Lelaki Taraf pendidikan : Pelajar tahun 4 Sek Keb Kuala Klawang, Jelebu</p>
<b>Success story Kisah kejayaan</b>	<p>1. <i>How did you use the internet to achieve your success, please elaborate your story Bagaimana anda menggunakan internet untuk mencapai kejayaan anda, sila huraikan cerita anda</i></p> <p>Saya merupakan seorang pelajar tahun 4 di Sek Keb Kuala Klawang, Jelebu. Setelah saya tahu kewujudan PI1M Kg Seperi, saya selalu berkunjung ke PI1M untuk melayari internet dan menimba ilmu berkaitan dengan pembelajaran di sekolah. Segala maklumat yang saya perlukan mudah untuk didapati kerana mempunyai capaian internet yang laju berbanding di sekolah. Saya juga selalu mendapatkan tunjuk ajar daripada pengurus dan penolong pengurus ketika saya menghadapi masalah berkaitan dengan cara-cara untuk melayari internet serta untuk mendapatkan maklumat. Di samping itu, saya juga berasa sangat selesa untuk membuat kerja sekolah di PI1M kerana persekitarannya yang sangat kondusif dan selesa serta ianya berdekatan dengan tempat tinggal saya.</p> <p>2. <i>How did your life improved after learning how to use the internet Bagaimana anda memperbaiki hidup anda setelah mempelajari cara penggunaan internet.</i></p>

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
	<p>Saya berkunjung ke Pi1M Kg. Seperi terutamanya untuk melayari internet dan mendapatkan maklumat mengenai pembelajaran di sekolah atau menyiapkan tugas sekolah. Dengan kemudahan yang terdapat di PI1M ini, saya dapat menyiapkan tugas dengan cepat dan senang. Segala maklumat yang saya inginkan dapat dicari dengan cepat. Di samping itu, saya selalu menghadiri kelas-kelas yang disediakan oleh pengurus dan penolong pengurus lakukan kerana dapat mempelajari sesuatu yang baru.</p>
<b>Keterangan gambar</b> <b>Photo caption</b>	<p><i>Describe activity and person(s) in every photo provided</i>  <i>Huraikan aktiviti dan orang pada setiap gambar yang telah disediakan.</i></p>  <p>Kelas membuat kad ucapan sempena kedatangan bulan Ramadhan</p>

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
	
	<p>Mengikuti kelas mengenal kegunaan ikon-ikon pada paint</p> 
<b>Feedback Maklumbalas</b>	<p>1. <i>What was your first impression towards PI1M? Apakah pandangan pertama anda terhadap PI1M?</i></p> <p>Saya merasakan PI1M adalah pusat sehenti yang mana segala perkhidmatan terdapat di sini dan amat memudahkan urusan penduduk luar bandar khususnya. Bagi kategori pelajar pula, PI1M tidak ubah seperti pusat pengumpulan dan penyebaran ilmu kerana apa sahaja</p>

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
	<p>maklumat yang berkaitan dengan pembelajaran dapat diakses dengan cepat dan mudah.</p> <p>2. <i>What attracted you to come and use the facilities in PI1M?</i>  <i>Apakah tarikan utama anda untuk datang dan menggunakan kemudahan di PI1M?</i></p> <p>PI1M merupakan sebuah tempat yang sangat selesa untuk saya membuat ulang kaji pelajaran mahupun mendapatkan maklumat kerana mempunyai capaian internet yang sangat laju berbanding dengan Cyber Cafe yang agak bising dan gelap. Di samping itu, PI1M juga menawarkan perkhidmatan yang lain seperti perkhidmatan fotokopi dan mesin pencetak serta berdekatan dengan kawasan rumah saya. Oleh sebab itu, saya tidak perlu lagi untuk berkunjung ke cyber cafe untuk mencari maklumat-maklumat yang berkaitan dengan tugas sekolah.</p> <p>3. <i>How can PI1M help others to be successful?</i>  <i>Bagaimanakah cara PI1M dapat membantu bagi mencapai kejayaan individu/kumpulan lain?</i></p> <p>PI1M sangat membantu terutamanya kepada semua golongan bermula daripada kanak-kanak, pelajar sekolah rendah dan menengah, belia serta warga emas kerana dapat menimba ilmu berkaitan ICT melalui kelas-kelas atau latihan yang dilakukan oleh pengurus dan penolong pengurus kepada pengunjung terutamanya ahli yang berdaftar. Selain itu, segala masalah yang berkaitan dengan pembelajaran dapat saya selesaikan di PI1M kerana semua maklumat hanya di hujung jari.</p> <p>4. <i>Can you suggest improvement to be made to PI1M? (facilities, training activities, promotions, etc)</i>  <i>Berikan cadangan dan pandangan bagi menambahbaik PI1M? (kemudahan, aktiviti latihan / kursus, promosi dan lain-lain.</i></p> <p>Pada pandangan saya, promosi mengenai PI1M perlu dipergiatkan lagi supaya dapat menarik minat ramai lagi penduduk setempat untuk berkunjung ke sini untuk mendapatkan kemudahan dan perkhidmatan-perkhidmatan yang telah disediakan. Di samping itu, aktiviti-aktiviti yang dijalankan hendaklah berskala besar yang melibatkan penduduk dan agensi-agensi kerajaan supaya hubungan atau pertalian dengan mereka dapat dijalinkan seterusnya mewujudkan masyarakat yang prihatin dan harmoni.</p>